

07 NOV 2002

RAFIDAH-PROTON/I

PROTON PERLU BEKERJASAMA DENGAN SYARIKAT BESAR UNTUK PERLUAS PASARAN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Pembuat kereta nasional, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), harus mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat besar lain bagi menguasai agihan yang lebih besar, bukan sahaja di dalam negara malah juga di pasaran dunia, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ketika memberi pendapat peribadinya, Rafidah berkata bahawa Proton perlu memikirkan kerjasama dalam apa jua bentuk hubungan yang perlu ditentukan dengan syarikat-syarikat lain tanpa mengorbankan identitinya sendiri.

Rafidah berkata, adalah lebih baik jika Proton mempunyai kaitan dengan "orang besar" dan menguasai agihan yang lebih besar dalam pasaran luar negara daripada kekal sebagai syarikat besar hanya dalam pasaran domestik yang boleh dikatakan masih kecil.

"Proton perlu melakukan segalanya untuk kekal sebagai peserta pasaran yang berdaya maju," katanya kepada pemberita semasa ditemui selepas pembukaan rasmi pameran perdagangan Industry Tradefair Malaysia 2002 (ITM 2002) di sini, hari ini.

"Saya rasa Proton bergerak ke arah itu. Kita sedang mengkajinya walaupun mereka mungkin masih belum mengumumkan apa-apa, tapi saya percaya mereka sedang mengkaji kemungkinan itu. Cuma perlu cari pasangan sesuai, barangkali," katanya.

Katanya, ini begitu ketara di tengah-tengah senario global dalam industri automotif yang menuju ke arah oligopoli, dengan lebih banyak penggabungan di peringkat global yang berkesudahan dengan hanya lima syarikat besar beroperasi.

Sementara itu, ketika ditanya selanjutnya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa harga kereta tidak akan diturunkan selepas pelaksanaan penuh AFTA tahun depan, Rafidah berkata ini adalah kerana tidak akan ada perubahan besar kepada cukai import sekarang.

"Satu-satunya cukai import yang akan berubah adalah bagi kereta Asean, dan seperti yang kita tahu dalam Asean, Malaysia telahpun menjadi pasaran terbesar bagi kereta kerana pasaran kita adalah 85 peratus," katanya.

Beliau juga menjangka lebih banyak kereta komersial akan memasuki pasaran Malaysia berbanding kereta penumpang.

Sementara itu, dalam ucapannya, Rafidah berkata, sebagai sebuah syarikat perdagangan di peringkat antarabangsa, Malaysia bukan sahaja mengeksport pelbagai barangan industri, malah juga bertindak sebagai pasaran besar bagi syarikat-syarikat asing untuk memasarkan barangan buatan mereka.

Contohnya, bagi tempoh Januari hingga September 2002, nilai eksport berjumlah RM262.9 bilion manakala nilai import berjumlah RM226.8 bilion dengan barangan perantara menguasai hampir 72 peratus daripada keseluruhan import.

Katanya komposisi import mencerminkan permintaan berterusan dari dalam negara bagi pelbagai barangan perantara dan modal untuk memenuhi keperluan ekonomi.

Dalam konteks ini, katanya, Malaysia bukan sahaja akan terus menjadi pasaran yang baik bagi pengeluar-pengeluar barangan perantara dan modal dari seberang laut, tetapi lebih penting lagi, Malaysia boleh menjadi lokasi yang menguntungkan bagi pengeluar-pengeluar dalam negara yang mengeluarkan produk tersebut, bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan

serantau.

Sementara itu, beliau berkata, dijangkakan bahawa dengan pertumbuhan industri jentera dan kelengkapan, suatu bidang kejuruteraan yang kukuh dapat diwujudkan, dengan keupayaan mengeluarkan komponen kritikal dan subpemasangan, peralatan dan kelengkapan pengendalian bahan.

"Sungguh menggembirakan melihat pelaburan terus mengalir masuk ke dalam industri jentera dan kelengkapan," katanya.

Rafidah berkata, di antara bulan Januari 2001 dan September 2002, sebanyak 121 projek dengan pelaburan berjumlah RM894.9 juta telah diluluskan. Sebanyak RM321.5 juta daripadanya adalah pelaburan domestik.

Pada masa yang sama, ada 79 projek baru dengan pelaburan berjumlah RM689.0 juta dan 42 projek lagi bagi peluasan dan pemelbagaian bernilai RM205.9 juta.

Sumber-sumber utama pelaburan adalah Singapura dengan 19 projek bernilai RM135.0 million, Jepun dengan 22 projek bernilai RM126.3 juta dan Jerman dengan lima projek bernilai RM65.1 juta. -- BERNAMA

WNZ KTC KY ZK